



30 Oktober 2020
30 October 2020
P.U. (A) 315

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HARGA
DAN ANTIPENCATUTAN
(PERNIAGAAN YANG DITETAPKAN) (PINDAAN) 2020

*PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING
(PRESCRIBED BUSINESS) (AMENDMENT)
REGULATIONS 2020*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN 2011

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN
(PERNIAGAAN YANG DITETAPKAN) (PINDAAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 10B dan 60 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [*Akta 723*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Perniagaan yang Ditetapkan) (Pindaan) 2020**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 November 2020.

Pindaan Jadual

2. Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Perniagaan yang Ditetapkan) 2017 [*P.U. (A) 388/2017*] dipinda dalam Jadual dengan memasukkan selepas butiran 2 butiran yang berikut:

“3. Perniagaan tempat letak kenderaan, iaitu suatu perniagaan yang menyediakan ruang, kawasan atau tapak khas, lot atau petak, termasuk di pinggir jalan atau di dalam bangunan, sebagai tempat untuk meletak kenderaan motor, dan termasuklah tempat letak kenderaan yang disediakan oleh pihak berkuasa tempatan.

4. Perniagaan kedai dobi, iaitu suatu perniagaan yang menawarkan perkhidmatan mencuci sama ada cucian tangan atau menggunakan mesin pembasuh, atau cucian kering, memutih, mengering, menyeterika, menggantung atau melipat apa-apa jenis pakaian, peralatan tempat tidur, langsir, permaidani, atau apa-apa barang yang seumpamanya, termasuk perniagaan kedai dobi layan diri.

5. Perniagaan salun dandan rambut, iaitu suatu perniagaan yang menawarkan perkhidmatan mensyampu, mengurut, menggunting, meniup kering, meng gaya, mengilat, mewarna, mengeriting, melurus atau merawat rambut, termasuk memberikan khidmat nasihat berkaitan dengan penjagaan rambut.”.

Dibuat 23 Oktober 2020

[KPDNKK (BUU)600-1/2/55; PN(PU2)695/XXVII]

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING ACT 2011

PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING
(PRESCRIBED BUSINESS) (AMENDMENT) REGULATIONS 2020

IN exercise of the powers conferred by sections 10B and 60 of the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 [Act 723], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Price Control and Anti-Profiteering (Prescribed Business) (Amendment) Regulations 2020**.

(2) These Regulations come into operation on 15 November 2020.

Amendment of Schedule

2. The Price Control and Anti-Profiteering (Prescribed Business) Regulations 2017 [P.U. (A) 388/2017] is amended in the Schedule by inserting after item 2 the following items:

“3. Parking business, that is a business which provides space, special area or site, lot or parcel, including off-street or in a building, as a place to park motor vehicles, and includes parking provided by a local authority.

4. Laundry business, that is a business which offers services of cleaning whether hand-washing or using washing machine, or dry-cleaning, bleaching, drying, ironing, hanging or folding any kind of clothing, beddings, curtains, carpets, or any similar things, including self-service laundry business.

5. Hairdressing saloon business, that is a business which offers services of shampooing, massaging, cutting, blow-drying, styling, waxing, colouring, perming, rebonding or treating hair, including giving advice on hair care.”.

Made 23 October 2020
[KPDNKK (BUU)600-1/2/55; PN(PU2)695/XXVII]

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs